



SEKILAS ALUMNI UNIMAS

www.alumni.unimas.my

Bil. 3 2013

JANGAN TERPERANGKAP DALAM ZON YANG SELESA - Naib Canselor

Oleh : Hj. Noorma Ismail

“Jangan terperangkap dalam zon yang selesa sebaliknya berusaha daripada baik menjadi cemerlang”, itulah saranan Naib Canselor UNIMAS YBhg Prof Dato’ Dr Mohamad Kadim Suaidi kepada pelajar UNIMAS yang bakal bergraduat pada Majlis Konvokesyen Ke-17 UNIMAS, 9 hingga 10 November ini.

Beliau berkata, bakal graduan UNIMAS harus mempersiapkan diri dan merancang masa hadapan dan memikirkan segala strategi untuk berjaya dalam kehidupan berkerjaya, berkeluarga dan bermasyarakat di samping menyumbang kepada negara. Beliau juga menekankan peri pentingnya UNIMAS bukan sahaja dilihat sebagai tempat menuntut ilmu tetapi juga sebagai tempat untuk pelajar memantapkan diri sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar.

Menurut Prof Dato’ Dr Mohamad Kadim lagi, seiring dengan pembangunan UNIMAS yang telah mencapai usia 21 tahun pada tahun ini, UNIMAS mempunyai potensi yang sangat besar untuk menjadi universiti yang hebat. “Kepakaran-kepakaran tertentu harus dipupuk dan diperkuatkan, pembangunan sumber tenaga manusia digunakan dengan bijak, kemudahan fizikal dan kemudahan pengajaran

dan pembelajaran yang terkini dan kondusif mempersiapkan UNIMAS untuk bersaing dengan siapa juga dalam arena tempatan dan antarabangsa” ujar beliau yang telah dilantik sebagai Naib Canselor UNIMAS sejak 16 April 2013. Beliau yang terkenal dengan “Salam UNIMAS Kusayang” pernah menjawat jawatan Dekan Fakulti Kejuruteraan UNIMAS pada 8 Disember 1998 sehingga 30 November 2003 sebelum berhijrah ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka.



UNIMAS ALUMNI
GROUP

- ▶ Alumni UNIMAS Pertama dilantik sebagai Dekan
- ▶ Alumni UNIMAS terima Anugerah Wartawan Harapan Kenyalang 2013
- ▶ UNIMAS & UMS Jayakan Sesi Persidangan Meja Bulat Program MYALUMNI di Kemboja
- ▶ UNIMAS International Alumni

MENARIK di dalam

Editorial

Sekilas Alumni 2013

PENASIHAT

Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi
Naib Canselor

PENGERUSI

Prof Mohd. Fadzil Abd. Rahman
Timbalan Naib Canselor HEPA

TIMBALAN PENERUSI

Puan Zuraidah Abas
Ketua Pusat Khidmat Pelajar

KETUA EDITOR

Puan Hj. Noorma Ismail
Ketua Unit Perhubungan Alumni & Komunikasi
Email: inoorma@hep.unimas.my

PEMBAKA PRUF/EDARAN

Mohd. Afandi Mat Sani
Norliza Wajih
Khaimi Dan



VISI

Mewujudkan satu jaringan komunikasi dan kerjasama yang unggul dan kukuh di kalangan alumni dan UNIMAS serta warganya.

MISI

Memberi khidmat serta membina rangkaian hubungan sepanjang hayat dengan semua alumni di seluruh negara agar para alumni dapat menyumbang semula dalam pelbagai bentuk dan corak khidmat bakti ke arah mencapai matlamat kecemerlangan UNIMAS.


MAKLUMAT LANJUT:

UNIT PERHUBUNGAN ALUMNI DAN KOMUNIKASI
PUSAT KHIDMAT PELAJAR,
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
TEL: 082-581843/1851
FAKS: 082-581850

Sekilas Alumni UNIMAS 2

Kajian Pengesanan Graduan Kini Di Bawah Unit Perhubungan Alumni dan Komunikasi

Kajian Pengesanan Graduan yang dahulunya di bawah Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) kini telah dipindahkan ke Unit Perhubungan Alumni dan Komunikasi bermula pada tahun 2013. Kajian pengesanan graduan ini dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mendapatkan maklumat bekas graduan universiti.



Kajian ini merupakan satu usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memajukan lagi sistem pendidikan tinggi negara. Oleh itu, sokongan, pandangan dan maklum balas yang berharga daripada para graduan akan digunakan untuk mengetahui keadaan yang lebih tepat mengenai senario alam pekerjaan graduan di samping mengenalpasti ruang-ruang untuk melakukan penambahbaikan yang lebih strategik.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kajian Pengesanan Graduan sila lawati Laman Sesawang iaitu <http://graduat.mohe.gov.my/skpg2013/index.html>.

TracerStudy

Atiqub
LB
2386
2463
2013
3143

DR. MOHAMMAD AFFENDY BIN ARIP, ALUMNI UNIMAS PERTAMA MENJAWAT JAWATAN DEKAN

Oleh : Hjh Noorma Ismail

Foto : Norliza Wajih



Dr. Mohammad Affendy Bin Arip adalah alumni UNIMAS yang pertama menjawat jawatan Dekan di UNIMAS. Beliau adalah seorang di antara hampir 300 orang pelajar UNIMAS yang bekerja di UNIMAS.

Dr. Mohammad Affendy mula berkhidmat sebagai Tutor di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) UNIMAS pada Disember 2001. Setelah selesai pengajian di peringkat Ijazah pada tahun 1999, beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana (2006) dan Peringkat Doktor Falsafah (2009) di Universiti Reitaku, Jepun. Dr Mohammad Affendy menjawat jawatan Dekan FEP bermula pada 19 Januari 2013.

Menurut beliau, pencapaian berjaya di peringkat PhD terasa lebih manis apabila beliau juga berjaya mendapat "Anugerah Pelajar Terbaik PhD bagi Program Ekonomi" di Universiti Reitaku. "Paling menarik di Jepun, Majlis Konvokesyen pelajar diadakan mengikut fakulti sahaja dan diadakan secara santai", ujar beliau.

Pengalaman belajar di sana juga sangat meninggalkan nostalgia kerana hubungan baik antara pelajar dan pensyarah. "Kami boleh 'nomikai' minum dan berdiskusi antara pelajar dengan pensyarah dalam suasana santai dan ini membina hubungan baik antara pelajar dan pensyarah", ujar beliau. "Ada masa dalam kelas pun boleh makan dan minum dan ianya tidak sedikitpun mengganggu konsentrasi pelajar", tambah beliau lagi.

Sebagai seorang pensyarah, cabaran utama bagi beliau bukan sahaja menjadikan pelajar cemerlang lebih cemerlang tetapi juga membantu pelajar yang lemah menjadi cemerlang.

"Saya berharap untuk membantu pelajar-pelajar yang lemah mengenal kekuatan diri, belajar dengan cara yang betul dan apabila nama mereka disebut semasa naik ke pentas di hari konvokesyen UNIMAS, saya orang yang paling bangga", ujar beliau mengakhiri perbualan bersama Ketua Editor Buletin Sekilas Alumni.



MyALUMNI: MALAYSIA GLOBAL OUTREACH

UNIMAS & UMS JAYAKAN SESI PERSIDANGAN MEJA BULAT PROGRAM MYALUMNI DI KEMBOJA

Oleh : Hjh Noorma Ismail

Persidangan Meja Bulat yang melibatkan Pegawai-pegawai Kedutaan Malaysia di Kemboja, Ketua Dewan Perniagaan Malaysia Kemboja, MYAlumni Konsortium dan Alumni Malaysia Kemboja (MyACC) telah diadakan bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan dalam berbagai bidang bagi memberi manfaat kepada Alumni Malaysia Kemboja. Ianya juga untuk memberi idea kepada aktiviti dan program yang bakal dijalankan oleh Alumni Malaysia Kemboja dengan kerjasama Kedutaan Malaysia di Kemboja, dan Dewan Perniagaan Malaysia Kemboja. Hasil persidangan diharapkan dapat mencari strategi-strategi yang terbaik dalam usaha menjadikan MyACC sebagai duta dalam mempromosikan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia di pasaran antarabangsa. Persidangan Meja Bulat yang pertama kali diadakan telah berjalan dengan lancar dan telah dikendalikan oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Majlis telah bermula pada jam 9.00 pagi (waktu Kemboja) dengan dihadiri oleh 40 orang MyACC dan dipengerusikan oleh Prof Madya Dr Mahmud Hj Sudin. Setelah pengerusi mengalu-alukan ketibaan semua tetamu yang hadir, majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Prof Madya Dr Mansor Abu Talib selaku Pengerusi MyAlumni Konsortium. Dalam ucapannya Prof Madya Dr Mansor Abu Talib menyatakan antara lain tujuan Program Jangkauan Global Kemboja adalah untuk mengukuhkan lagi institusi pendidikan tinggi di Malaysia dengan kehadiran pelajar-pelajar luar negara memilih Malaysia sebagai destinasi mereka menuntut ilmu. Untuk itu beliau menyatakan sebanyak tiga aktiviti utama akan diadakan pelancarannya di Kemboja iaitu:

- i) Pelancaran Konsortium MyAlumni**
- ii) Pelancaran Majlis MyACC**
- iii) Pelancaran Buku "Coffee Table" CLMV (Cambodia Laos Myanmar Vietnam)**

Selain daripada itu, Prof Madya Dr Mansor Abu Talib juga telah menyatakan MyAlumni juga telah berjaya mengemaskinikan maklumat alumni pelajar-pelajar antarabangsa melalui sistem yang telah dibangunkan. Buat masa ini data yang telah dikemaskini adalah negara-negara CLMV dan ia akan diperluaskan kepada negara-negara lain yang telah dikenal pasti. Prof Madya Dr Mansor Abu Talib juga mengucapkan tahniah kepada Protam Majlis MyACC yang telah dibentuk pada 20 Jun 2013 dan berharap Majlis ini akan dapat merancang aktiviti sekurang-kurangnya sekali setahun dan membantu mempromosikan pengajian tinggi di Malaysia. Perbincangan kemudiannya telah membincangkan topik-topik yang berkaitan iaitu Kaedah Strategik Pelaksanaan dan penglibatan MyACC di Kemboja dan penglibatannya bagi kepentingan integrasi dan komunikasi seluruh ahlinya. Topik berkaitan memanfaatkan sumber di Malaysia dan di Kemboja untuk kejayaan MyACC juga turut dibincangkan.



Antara butiran perbincangan termasuklah:

- Alumni menyumbang kembali kepada Malaysia dan kepada negara mereka Kemboja
- Melaksanakan aktiviti yang mempunyai impak kepada Malaysia dan Kemboja
- Kedutaan Malaysia boleh memberikan bantuan dalam bentuk yang dipersetujui bagi memudahkan aktiviti MyACC (aktiviti kebajikan, pendidikan dll.)
- MyACC sebagai satu medan perjumpaan untuk perkongsian ilmu, pengalaman dan menjalankan aktiviti secara bersama
- MyACC boleh mengadakan 'networking' dan mendapatkan khidmat nasihat Dewan Perniagaan Malaysia Kemboja dan juga Kedutaan Malaysia Kemboja bagi tujuan aktiviti bersifat ekonomi dan perniagaan di Kemboja, di Malaysia atau negara-negara jiran yang berdekatan.
- MyACC mendaftarkan diri sebagai badan NGO yang rasmi dengan kerajaan Kemboja



Pada akhir Persidangan Meja Bulat tersebut, satu deklarasi telah dipersetujui oleh MyACC iaitu:

- Pengisytiharan No 1: Untuk membentuk Ahli Jawatankuasa bagi Majlis Alumni Malaysia dalam tempoh setahun, berkuatkuasa dari 20 Jun 2013.
- Pengisytiharan No 2: Untuk memulakan hubungan dan kerjasama dengan Kedutaan Malaysia, Majlis Perniagaan Malaysia di Kemboja dan MyAlumni Konsortium, dalam tempoh setahun.
- Pengisytiharan No 3: Untuk mewujudkan pautan dengan Majlis Alumni Malaysia negara-negara lain selepas penubuhan mereka.
- Pengisytiharan No 4: Untuk membantu mempromosikan Pengajian Tinggi Malaysia dan mengekalkan hubungan pembelajaran sepanjang hayat dengan Malaysia.
- Pengisytiharan No 5: Untuk mengadakan satu acara utama sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun di bawah Ahli Jawatankuasa Pro Tem.



Persidangan Meja Bulat yang dijalankan telah berjaya mencapai objektifnya dalam membincangkan strategi-strategi yang terbaik dalam usaha menjadikan MyACC sebagai duta dalam mempromosikan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia di pasaran antarabangsa khususnya di Kemboja.

Turut diadakan di Kemboja oleh MYAlumni ialah Majlis Makan Malam pada 21 Jun 2013. Majlis Makan Malam itu turut menyaksikan Pelancaran Buku 'Coffee Table Book' Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam oleh YBhg Datin Dr Ir Siti Hamisah Tapsir, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi mewakili Menteri Pendidikan. Semua majlis ini berlangsung di Hotel Sunway Phnom Penh, Kemboja.



Dominasi Media Prima



ALFRED Jabu (Baran) menyerahkan sijil kemenangan Anugerah Kewartawanan kepada Rabi 'Atul 'Adawiyah

Oleh RABI 'ATUL 'ADAWIYAH ISMAIL DAN MICHEAL SERUNG
metahad@medapn-ma.com.my
Kuching

Selepas empat tahun bertapak di Bumi Kenyalang, Harian Metro Sarawak melakar sejarah apabila menggendol empat anugerah sempena ulang tahun Ke-25 Anugerah Kewartawanan Kenyalang Shell 2013 di sebuah hotel di sini, kelmarin. Lebih membanggakan apabila wartawan Harian

Metro, Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail dipilih Wartawan Harapan 2013, sementara Alias Abdul Rani menerusi artikel 'Sejarah Tercipta, Dua Baga Sumber Kekuatan dan Ketua Menteri Bangsa' mendapat tempat pertama kategori Anugerah Laporan Berita Sukan.

Dengan kejayaan itu, Rabi 'Atul menerima plakat, cenderamata dan sijil, manakala Alias meraih RM1,500 serta sijil.

Rabi 'Atul turut meraih tempat ketiga kategori Anugerah Kewartawanan Alam Sekitar menerusi artikel

'Kemarau Berterusan' dan Anugerah Kewartawanan Berita (Baran kaki botol, Suami suka dera isteri, Kes naik hampir sekali ganda. Masalah kewangan, cemburu cetus keganasan rumah tangga) sekali gus membawa pulang RM500 dan sijil bagi setiap kategori.

Pada majlis itu, wartawan Berita Harian M Hizuddin Ikhshan Di Nek Kamal dan Misiah Taib meraih wang tunai sebanyak RM1,000 apabila menduduki tempat ketiga bagi Anugerah Kewartawanan Wartawan TV3 Araffie

igat dan jurukamera Mohd Taufik Laip menerima dua merit bagi Anugerah Penyiaran Berita Ekonomi dan Kesihatan, manakala tempat ketiga bagi Anugerah Penyiaran Kategori Alam Sekitar.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan dimenangi kumpulan Media Prima Berhad (MPB) cawangan Sarawak sebanyak lapan anugerah.

Anugerah Kewartawanan Shell Kenyalang memasuki 25 tahun pengajarnya itu disempurnakan Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu Numpang, Hadir sama, Pengerusi Shell Malaysia Lain Lo dan Presiden Persatuan Wartawan Bahagian Kuching Sulok Tawi.

Dalam ucapannya Lain berkata, Shell berbesar hati dapat meneruskan tradisi bekerjasama dengan Persatuan Kewartawanan Persekutuan Sarawak (PSJA) menganjurkan majlis berprestij itu bagi menghargai dunia kewartawanan.

Katanya, penyertaan diterima pada tahun ini turut meningkat sebanyak 52 peratus dengan 373 penyertaan dalam lapan kategori dipertandingkan berbanding tahun lalu.

MENGIMBAU kembali detik ketika menjejakkan kaki ke UNIMAS sebagai pelajar program Kajian Komunikasi, Fakulti Sains Sosial pada Julai 2005, saya teruja dengan persekitaran kampus yang berbeza dengan universiti awam tempatan lain. Struktur bangunan separa konkrit dengan berkonsepkan *resort* serta kehijauan persekitaran sedikit sebanyak meredakan perasaan gemetar saya pada hari pendaftaran. Bertemankan ayah, Ismail Mohd Raof saya hadir pada hari pertama pendaftaran dan ketika itu saya ditempatkan ke Kolej Seroja bersama tiga rakan lain Nuraderleena Abdullah, Angeline Yong (Sabah) dan Nurul Hafizah (Perak).

Menariknya, di UNIMAS diri saya berpeluang berkenalan dan berkawan dengan pelajar tempatan yang datang dari pelbagai etnik, selain berjaya menguasai dialek Melayu Sarawak dalam tempoh sebulan. Sepanjang berada di UNIMAS banyak perkara yang dilalui dan antara kenangan sedih yang tidak dapat dilupakan ialah apabila dimaklumkan ibu saya, Rushani Abdullah meninggal dunia pada Mac 2008. Saya mendapat berita duka itu melalui ayah pada jam 5 pagi dan bergegas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) untuk pulang ke Semenanjung. Terima kasih pada sahabat karib saya, Nuraderleena yang sudi menemani ke lapangan terbang dan tidak dilupakan rakan sekelas yang sanggup datang memberikan dorongan serta kata semangat.

Mengenai kehidupan saya di kampus, tidak banyak yang boleh dikongsikan kerana saya hanya pelajar biasa bukan di kalangan pelajar yang menerima Anugerah Dekan atau *'top pointer'* setiap semester. Bagaimanapun, bagi projek tugasan fakulti, saya pernah diberi tanggungjawab sebagai Editor Madah Samarahan dan Pengarah Projek bagi Kempen Kebersihan Kolej, iaitu salah satu tugas subjek.

Selepas empat tahun pengajian, akhirnya saya bergraduat dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Kajian Komunikasi). Sebaik tamat pengajian, saya mula berjinak-jinak dengan bidang kewartawanan dan mencuba nasib sebagai penulis sambilan di Berita Harian, Biro Negeri Sembilan.

Sebagai penulis sambilan, sudah tentu bayaran bergantung kepada jumlah berita dan gambar yang diterbitkan di akhbar, sekiranya hasil kerja tidak diterbitkan, tiada bayaran akan dibuat. Saya tidak pernah terfikir untuk serius dalam bidang kewartawanan ini kerana merasakan diri ini tidak pandai menulis, belajar pun hanya satu subjek penulisan berita dan menghasilkan akhbar Madah Samarahan. Selain itu, saya tidak ada asas fotografi, di mana salah satu elemen penting dalam kewartawanan.



Sekilas Alumni UNIMAS 6



Namun, saya tidak putus asa dan menganggap ia sebagai cabaran, di mana terpaksa belajar lebih lanjut mengenai teknik penulisan berita dan asas fotografi mengikut format yang dikehendaki syarikat. Bergelar penulis sambil tidak mudah, kerana tiada pendapatan tetap, saya cuba memohon untuk menjadi wartawan tetap di beberapa agensi berita tetapi jawapan yang diterima sangat mengecewakan.



Ketika itu, saya sudah berputus asa kerana hampir setahun setengah tiada pekerjaan tetap dan setiap bulan ada komitmen yang perlu dilunaskan. Pelbagai kerja sampingan dilakukan tetapi tiada yang sesuai, mungkin rezeki saya sudah ditetapkan untuk bergelar wartawan. Satu hari, Ketua Biro Harian Metro Melaka/ Negeri Sembilan, Ahmad Saufi Mansor menghubungi saya dan mencadangkan supaya memohon untuk mengikuti Skim Latihan Kewartawanan (PETS) Harian Metro NSTP dan akan dipanggil temuduga, sekiranya terpilih akan mengikuti kelas dan latihan selama tiga bulan. Sekiranya berjaya dalam skim latihan itu, barulah diserap sebagai wartawan Harian Metro. Ketika itu, saya sudah tiada semangat untuk serius dalam bidang ini, tetapi atas dorongan beliau saya menghantar permohonan dan syukur kerana terpilih untuk mengikuti skim latihan berkenaan.

Sedia maklum, Harian Metro mempunyai gaya penulisan yang berbeza, sedangkan sebelum ini saya sudah biasa dengan gaya penulisan formal. Terdetik di hati, sekiranya gagal dalam skim latihan itu, saya perlu mencari kerja lain. Saya memanfaatkan peluang yang diberikan dan berjaya menamatkan latihan serta terpilih untuk diserap sebagai warga kerja Harian Metro.

Bermulalah kerjaya sebagai wartawan di meja am dan sebaik disahkan jawatan enam bulan kemudian, saya diarahkan bertukar ke Biro Harian Metro Sarawak bermula tahun lalu. Apabila diumumkan mengenai pertukaran, saya gembira kerana berpeluang untuk menimba lebih banyak pengalaman kerana di pejabat cawangan, saya membuat liputan semua jenis berita. Sudah tentu banyak perkara baru yang akan dipelajari.

Pertukaran tugas ke negeri ini tahun lalu, memberi banyak peluang untuk menerokai negeri ini berbanding zaman belajar. Saya juga dalam proses belajar menulis pelbagai jenis berita, antaranya jenayah, am, politik, sukan, rencana dan banyak lagi. Walaupun baru, saya berbesar hati kerana terpilih untuk menerima beberapa penghargaan, selain kejayaan memperoleh Anugerah Wartawan Harapan 2013 sempena Anugerah Kewartawanan Kenyalang Shell yang diadakan pada 4 Oktober lalu.

Selain itu, saya turut mendapat tempat ketiga dalam Anugerah Penulisan Berita dan Anugerah Penulisan Berita Alam Sekitar. Saya tidak meletakkan harapan untuk memenangi mana-mana anugerah kerana sedar pengalaman dalam bidang ini tidak sampai dua tahun dan hanya menghantar borang pencalonan untuk pelbagai kategori berita di saat akhir. Daripada lebih 400 penyertaan yang diterima daripada pelbagai kategori, saya bersyukur kerana terpilih untuk memenangi tiga anugerah. Tiada apa yang perlu dibanggakan kerana bagi saya perjalanan sebagai wartawan baru saja bermula, masih banyak yang perlu dipelajari.



Saya berterima kasih kepada ayah dan keluarga yang merestui keputusan untuk serius dalam bidang kewartawanan ini hingga terpaksa mengorbankan banyak masa bersama mereka. Terima kasih kepada Harian Metro, NSTP (Kumpulan Media Prima Berhad), rakan baik saya Nuraderleena Abdullah yang tak jemu memberi dorongan, pensyarah UNIMAS, rakan-rakan Program Kajian Komunikasi 2005/2006, Ketua Biro Harian Metro Sarawak, Rudy Fazrunisyam Samaruddin, rakan NSTP Sarawak dan rakan media.



Kepada pelajar dan graduan UNIMAS, jangan mudah putus asa, yakin dengan kebolehan diri, sentiasa merendah diri, pasti anda akan berjaya. Kejayaan tidak datang bergolek, usaha tangga kejayaan. Setiap kejayaan ada kesakitan, hadapi dengan tenang kerana ia adalah proses memahirkan diri.



Profil

NAMA	: Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail
Umur	: 28 Tahun
Tarikh Lahir	: 12 September 1985
Asal	: Seremban, Negeri Sembilan
Pendidikan	: Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Keujian (Kajian Komunikasi), UNIMAS
Pekerjaan	: Wartawan Harian Metro
Hobi	: Membaca

Sharing Moment

bersama Alfian Yusuf

ALUMNI BERJAYA SEBAGAI USAHAWAN

Oleh: Khaimi Dan

“Usaha membawa kejayaan”

Itulah kata-kata Alumni UNIMAS Encik Alfian Yusof pemilik butik ALMAS berganding bahu bersama isteri tercinta Puan Masliza Bt Mohd Redzuan yang bergiat aktif dalam bidang perniagaan pakaian dan aksesori.

Beliau berkongsi pengalaman tersebut pada Majlis *Sharing Moment* pada 18 September 2013 yang telah dihadiri oleh 30 orang pelajar UNIMAS. Turut hadir pada program tersebut ialah YBhg Prof Madya Dr. Rusli Ahmad, Dekan Pusat Pemajuan Pelajar dan Puan Zuraidah Abas, Ketua Pusat Khidmat Pelajar serta Pn Hj Noorma Ismail, Ketua Unit Perhubungan Alumni dan Komunikasi. Pada program tersebut, beliau telah berkongsi pengalaman perniagaan sejak menuntut di UNIMAS sehingga berjaya sebagai seorang usahawan yang berjaya.

Alumni dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) ini telah melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana namun kemudiannya telah memilih untuk bergiat secara aktif dalam bidang perniagaan kerana pendapatan yang lumayan.





Minat berniaga secara kecil-kecilan sejak di UNIMAS akhirnya mengubah hala tuju beliau untuk terlibat secara serius. Ini ditambah lagi dengan perkongsian minat yang sama dengan isteri beliau yang juga Alumni UNIMAS dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM).

Dalam sesi perkongsian tersebut, Alfian Yusuf turut menceritakan pengalaman detik permulaan beliau melibatkan diri dalam dunia perniagaan serta cabaran-cabaran yang telah dilaluinya. Beliau berterima kasih kepada isterinya, pegawai-pegawai serta staf UNIMAS yang banyak membantu dan menyokong usaha beliau sehingga berjaya. Beliau juga turut menjawab soalan-soalan daripada pelajar yang hadir berkaitan perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk menjadi usahawan berjaya.



Life in UNIMAS as a Postgraduate Student

Ibrahim Abba, Lecturer
Kanu State Polytechnic

was compounded by my inability to communicate in the Malay language. However, once I started to learn and speak the Malay language, it was easier for me to communicate and interact with the locals and choose the best food for my taste buds. I did this with a positive attitude and in no time, I got used to the differences and lived pretty normal. Besides language, culture and food, I had to cope and adapt to the different weather condition here. These were just some of the things I had learned to accept, adapt and cope with while studying abroad here in Sarawak, Malaysia.



Nowadays, more people are looking for opportunities to study abroad as there are many advantages to this experience. Studying abroad is a rewarding experience that I am happy to have pursued. However, for some others, the experience is one that they wish had been different in one way or another, or even regretted completely. Understanding the tradeoffs of studying abroad is an important part of making the best decisions of where and how to study in another country – or even whether to leave one's own country. The experience of studying at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) gave me an edge over my colleagues who did not have the opportunity to study engineering abroad.

Nevertheless, there were some serious challenges that I needed to overcome in order to enjoy greatly this study opportunity in UNIMAS. One of the greatest challenges is the language barrier. I believe this is a major problem faced by most students who study in a country that does not speak the same language as theirs. I realized that to overcome this challenge, I needed to know the necessary fundamental words for effective communication. It would be good if as prospective study abroad students, we learn the language of the destination country before proceeding to the country and take more classes upon

arriving in the country to improve our proficiency and competency in the target language. So, I took Malay language classes during my first year in UNIMAS.

The other challenge I faced was the cultural experience. The culture practiced in Malaysia is extremely different than my culture I grew up in. Despite that, I

always had an open mind and was ready and willing to learn about different things. This helped me to cope, overcome and adapt quickly to the Malaysian culture.

Meal time has also been a challenge for me as the food cooked and served in Malaysian food stalls and cafés are quite different from the food that I used to take in my country. I had to learn to know, identify, and experience the different dishes served at eateries. This

Sekilas Alumni UNIMAS 10

Despite the challenges to cope and adapt with the Malaysian lifestyle, my study experience in UNIMAS has been great, particularly with the quality of lecturers and tutors that guided and advised me to achieve my study goals. Several good workshops and seminars were conducted at the Faculty of Engineering to enhance and boost our knowledge, particularly for those who are involved in research. Besides that, research equipments were at my disposal whenever I needed them during my practical work and this had enabled me to finish my studies without any hitches.



In addition, the Centre for Graduate Studies (CGS) has enormously encouraged me and made my living more comfortable despite being a foreigner in this country. It was difficult to settle down in peace and calm when my family was 20,000 kilometres away from me. The CGS in collaboration with Malaysian Ministry for Higher Education organised a homestay program for international postgraduate students. This program enabled and educated me to get to know some Malaysian families' living and environmental conditions. I was assigned to a foster family and lived with them for a couple of days as one their family member. I really felt at home as my foster parents took good care of me.

Furthermore, I am thankful to have good Sarawakian neighbours that I have stayed with throughout the duration of my studies. They treated me as one of them, not as an alien or an African. I am also grateful to UNIMAS's International

Affairs department and CGS for arranging and scheduling excursions and visits to many communities, museums and local markets across the state of Sarawak. Long live UNIMAS, Long Live Malaysia.



UNIMAS, A WONDERFUL PLACE TO STUDY AND WORK

Khaliq Mohd Sadiq, Lecturer
Faculty of Economics & Business, UNIMAS



Building futures through education is the prime vision of the UNIMAS and it fits my personal goals and vision about education and my career. My career growth plan relies heavily on gaining in-depth knowledge of

business management, advanced research methods as well as entrepreneurship. I also try to create learning and research orientated environments with trust, respect and mutual understanding, where my students and I feel comfortable to work together. I always motivate my students to increase their interest in their course, do problem solving and enhance their critical thinking skills in Business Management as well as Marketing courses by providing stimulating case studies and other activities. My ultimate goal in teaching is not to just to reiterate information from the textbook; rather, I include intriguing and captivating stories from practical life for my students.

During my study and work in UNIMAS, I also sought out various experiences to improve my teaching and social skills. UNIMAS is indeed a wonderful place to work not only because of its distinctive beauty, but also that the people comprise of various ethnic groups from within Malaysia as well as all over the world. I consider myself privileged to be a member of the FEB community. I am thankful to my supervisors and my fellow colleagues for their continuous support and motivation for me to be able to socialise more openly and to be a more mature individual. I began to understand the importance of developing relationships at many stages of the research process and with different groups of people. My friendship with fellow colleagues and other faculty members have indirectly shaped my personality. I also would like to express my deepest gratitude to my mentor, Prof. Dr Shazali Abu Mansor. I learned a lot from him about critical thinking and social aesthetic values. He has true intellectual agility and leadership qualities. I hope that I will contribute positively to FEB and UNIMAS and let us pray that this fountain of knowledge will continue to grow in the future.




Tahukah Anda

1

Data alumni UNIMAS bersifat dinamik dan sentiasa ditambah baik oleh pihak CICTS sejak ia mula digunakan secara *online* oleh Alumni UNIMAS bermula pada tahun 2009. Pada tahun 2010, semua pelajar secara automatik didaftarkan sebagai Alumni UNIMAS dan hanya perlu mengemaskini rekod mereka secara *online* menjelang Majlis Konvokesyen. Alumni yang telah lama bergraduat juga boleh mengemaskinikan data mereka pada bila-bila masa sahaja.

Pada tahun 2013, satu lagi penambahbaikan telah dilakukan kepada Sistem Data Alumni UNIMAS apabila pelajar yang bergraduat boleh menerima info melalui emel secara terus melalui *group email* yang disediakan oleh Sistem Data Alumni. Khidmat ini telah disediakan oleh pihak CICTS dan ianya akan dikembangkan dengan penghantaran emel kumpulan mengikut tahun bergraduat, mengikut zon bekerja, negeri dan jantina pada masa hadapan.





2

Goodies Alumni UNIMAS mula diperkenalkan sejak tahun 2009 bertujuan memupuk semangat sayangkan UNIMAS di kalangan alumni UNIMAS, mengukuhkan perhubungan sepanjang hayat serta menjadikan Alumni UNIMAS sebagai duta untuk mempromosikan UNIMAS pada masyarakat umum. Pemilihan warna semua item adalah sesuai dengan citarasa generasi muda.



300 Hadir “Career Talk with Alumni”

Oleh : Dzul Hadzwan Husaini

Pada 15 Mei 2013 bertempat di CTF 2, Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak telah menganjurkan program “Career Talk with Alumni”. Program telah bermula pada jam 2.00 petang dan berakhir pada 4.00 petang. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada siswa-siswi Program Ekonomi tentang kelebihan dan nilai tambah seorang graduan bidang Ekonomi dalam kerjaya. Seramai lebih kurang 300 orang siswa dan siswi dari tahun satu hingga tahun tiga telah hadir untuk menjayakan program yang julung-julung kali diadakan. Program ini telah dimulakan dengan majlis perasmian oleh Ketua Jabatan Ekonomi, Dr Fariastuti Djafar. Seramai 4 orang Alumni Program Ekonomi telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan mereka. Mereka adalah seperti berikut:

1. Encik Owen Tan, Pengarah Urusan, Jaya Bumi Komunikasi Sdn Bhd. Beliau merupakan graduan program Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Industri dan Organisasi).
2. Cik Gwendalyn Hazel Venno, pemilik Butik Lovely Gwendolly yang beroperasi di tingkat satu ST3 Shopping Mall. Beliau merupakan graduan program Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Antarabangsa).
3. Puan Siti Hajar Afendi, Pegawai Bank di RHB Bank Berhad. Beliau merupakan graduan program Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Industri).
4. Cik Eileen Debra Bundak, Pengurus Akaun di CIMB Aviva Assurance Berhad. Beliau merupakan graduan program Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Industri)

Siswa dan siswi yang menghadiri ceramah ini amat berpuas hati dan gembira dengan perkongsian pengalaman oleh bekas pelajar. Pengalaman dan ilmu yang diterima memberi ilham dan semangat kepada siswa dan siswi untuk belajar dengan lebih gigih serta membuka lembaran baru skop kerjaya dalam bidang ekonomi. Program seperti ini akan dijadikan sebagai program tahunan Jabatan Ekonomi.



Alumni sedang berkongsi pengalaman kerjaya masing-masing



100 Orang
Pelajar hadir

Majlis Makan Malam

Pada 15 Mei 2013, pelajar tahun akhir Program Ekonomi telah mengadakan majlis makan malam santai pelajar tahun akhir bersama pensyarah serta staf sokongan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEB) bertempat di bangunan fakulti. Majlis ini bertujuan untuk menghargai jasa dan sumbangan pensyarah serta staf sokongan sepanjang tempoh pengajian. Di samping itu juga ia bertujuan untuk meraikan pelajar tahun akhir di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian mereka di UNIMAS. Seramai 100 orang pelajar dari program Ekonomi Industri dan Ekonomi Antarabangsa telah hadir. Majlis dimulakan dengan perasmian oleh Dr Fariastuti Djafar, Ketua Jabatan Ekonomi diikuti dengan makan malam serta pelbagai aktiviti "indoor games".

Majlis santai ini bertujuan memupuk rasa sayang dan kembali berbakti kepada fakulti walaupun setelah pelajar bergraduat.



“UNIMAS Home Coming Dinner”



Buat julung kalinya Alumni UNIMAS dari seluruh pelosok Negara bertemu di kampus utama UNIMAS di Kota Samarahan, Sarawak. Pertemuan ini berlangsung di DeTar Putra UNIMAS dalam satu Majlis Makan Malam bersempena dengan ulang tahun ke-20 UNIMAS.

Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid, selaku Naib Canselor telah hadir pada majlis yang julung kali dianjurkan tersebut. Pengarah Program Mohd Razip Assaruddin berkata Alumni UNIMAS sedia berdiri teguh menyokong misi dan visi UNIMAS ke arah kecemerlangan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Seramai 600 orang alumni UNIMAS, Pensyarah dan keluarga Alumni hadir di Majlis Makan Malam ‘Home Coming Dinner’ yang diadakan di Dewan Bankuet, UNIMAS itu.



Home Coming Parade



Seramai 150 orang Alumni UNIMAS dari berbagai fakulti yang bergraduat sejak tahun 1997 telah hadir bagi memberi sokongan kepada *UNIMAS Alumni Home Coming Parade* yang julung kali diadakan sempena Perasmian Pesta Konvo 2012. Program tersebut telah dilaksanakan oleh Dr. Abdul Halim Busari dengan Alumni UNIMAS serta hasil kerjasama Unit Perhubungan Alumni dan Komunikasi.

Perarakan yang penuh dengan rasa kecintaan kepada UNIMAS adalah cetusan idea Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof Mohd Fadzil Abd Rahman. Beliau berharap selain membawa Alumni UNIMAS kembali ke UNIMAS, para alumni juga boleh meninjau kepesatan pembangunan di UNIMAS dan turut terlibat dengan kembali menyumbang kepada UNIMAS dalam berbagai cara.



Statistik Graduan UNIMAS 1997-2013

Alumni UNIMAS kini 21,019 orang

STATISTIK PRASISWAZAH MENGIKUT FAKULTI

FAKULTI	BILANGAN
FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN	2,585
FAKULTI KEJURUTERAAN	2,261
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN	1,196
FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA	3,414
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	1,448
FAKULTI SAINS SOSIAL	2,737
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER	3,040
FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF	2,458
PUSAT PENGAJIAN BAHASA	196
	19,335

STATISTIK PASCASISWAZAH MENGIKUT FAKULTI

FAKULTI	BILANGAN
FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN	514
FAKULTI KEJURUTERAAN	114
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN	76
FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF	40
FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA	378
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	85
FAKULTI SAINS SOSIAL	89
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER	334
IBEC	25
IDEA	1
IEAS	3
IKPK	21
PUSAT PENGAJIAN BAHASA	4
	1,684

MENGIKUT TAHUN

TAHUN	BILANGAN
1997	122
1998	345
1999	490
2000	563
2001	742
2002	973
2003	894
2004	1,225
2005	1,251
2006	1,144
2007	1,430
2008	1,470
2009	1,682
2010	1,663
2011	1,517
2012	1,695
2013	2,129
	19,335

MENGIKUT JANTINA

JANTINA	BILANGAN
L	6,703
P	12,632
	19,335

MENGIKUT NEGARA

NEGARA	BILANGAN
BRUNEI	3
INDONESIA	3
MALAYSIA	19,324
LAIN-LAIN	5
	19,335

MENGIKUT TAHUN

TAHUN	BILANGAN
1997	31
1998	39
1999	58
2000	36
2001	45
2002	103
2003	83
2004	78
2005	93
2006	99
2007	134
2008	127
2009	110
2010	104
2011	134
2012	194
2013	216
	1,684

MENGIKUT JANTINA

JANTINA	BILANGAN
L	857
P	827
	1,684

MENGIKUT NEGARA

NEGARA	BILANGAN
BRUNEI	1
BANGLADESH	4
INDONESIA	4
MALAYSIA	1,659
INDIA	1
KOREA SELATAN	4
THAILAND	1
LAIN-LAIN	10
	1,684



PEJABAT BARU ALUMNI UNIMAS


Oleh: Norliza Wajih

Usaha memperkasakan Alumni UNIMAS diteruskan dengan Perhubungan Alumni dan Komunikasi kini beroperasi di pejabat baru di Tingkat 2, Bangunan HEPA sejak 23 September 2013.

Di pejabat baru ini, Alumni UNIMAS boleh mengadakan aktiviti dan program dengan lebih baik kerana mempunyai ruang yang luas dan kondusif. Terdapat beberapa kemudahan di sini iaitu Sudut Tamu, ruang legar aktiviti yang berkapasiti 100 orang, Bilik Seminar berkapasiti 50 orang dan Bilik Mesyuarat berkapasiti 25 orang.

UNIMAS mengalu-alukan semua alumni UNIMAS untuk mengadakan aktiviti-aktiviti dengan kemudahan yang disediakan ini.





Bina Hubungan Sepanjang Hayat dengan UNIMAS

Daftar & Kemaskini

Kemaskini info anda bagi memastikan anda mempunyai profil yang terkini dalam sistem data UNIMAS. Ini akan membantu UNIMAS menguruskan maklumat graduan UNIMAS secara sistematik dan membina hubungan sepanjang hayat dengan alumninya.



we 
UNIMAS

www.alumni.unimas.my